

24 APR 2002

Sumbang Mahram-Pendapat/I

PEMIMPIN MASYARAKAT CINA S'WAK SOKONG ROTAN BAGI SUMBANG MAHRAM

KUCHING, 24 April (Bernama) -- Cadangan hukuman sebat di khalayak umum bagi pesalah sumbang mahram menerima sokongan baik daripada masyarakat Cina di Sarawak.

Salah seorang daripada pemimpin masyarakat itu di sini, Kapitan Tan Tuan Yee dari Kenyalang Park, di sini, berkata, hukuman sebat di khalayak umum boleh menjadi penghalang berkesan dalam membendung kes-kes sumbang mahram yang terus meningkat sejak empat tahun lepas dan hingga hari ini jumlahnya ialah 1,369.

"Pesalah-pesalah sumbang mahram harus menerima hukuman sebat di khalayak umum sebagai hukuman maksimum jika mereka didapati bersalah. Mereka patut dikenakan hukuman itu kerana tindakan tidak malu mereka terhadap mangsa yang merupakan darah daging mereka sendiri," kata beliau kepada Bernama hari ini.

Cadangan hukuman sebat itu mendapat perhatian dengan Dr Mahathir pada Isnin dilaporkan berkata kerajaan sanggup mempertimbangkan hukuman itu jika rakyat memberi mandat baginya tetapi beliau berpendapat cara yang terbaik untuk menangani sumbang mahram ialah untuk menerapkan nilai-nilai moral yang baik pada masyarakat.

Seorang lagi pemimpin masyarakat, Kapitan Poh Tze Hang dari No 1 Foochow Road berkata, hukuman sebat di khalayak umum adalah cara terbaik untuk menakutkan mereka yang mahu melakukan jenayah itu.

"Saya akan memberikan sokongan penuh kepada usul Perdana Menteri yang kita berusaha bersama-sama untuk menangani masalah ini daripada bertambah buruk. Tindakan tidak berperikemanusiaan seperti itu hanya akan menyumbangkan kepada masalah sosial. Sudah tiba masa bagi menghentikannya," kata beliau.

Pengerusi Bahagian Wanita Persatuan Cina Bahagian Kuching-Samarahan Lee Peck Cheng juga menyambut baik cadangan itu

"Bercakap bagi pihak rakan-rakan wanita, saya bersetuju sudah tiba masa untuk mengenakan hukuman berat terhadap orang-orang yang tidak kenal malu ini dengan mereka disebat di khalayak umum. Ia akan menjadi peringatan kepada mereka yang mahu melakukannya," kata beliau.

Bagaimanapun, kata beliau nilai-nilai kekeluargaan dan agama masih merupakan intipati penting dalam mengatasi punca kejadian sumbang mahram.

Memperakui yang sumbang mahram berlaku di kalangan semua kaum, Lee berkata kes sumbang mahram dalam masyarakat Cina tidak dilaporkan kerana kepercayaan tradisional masyarakat itu yang lebih rela "menyelamatkan maruah keluarga".

Sementara itu, Setiausaha Persatuan Kaum Kerabat Chan Sarawak Chan Chiaw Yam berkata beliau bersetuju dengan Perdana Menteri yang tiada bawaja jaminan hukuman lebih tegas boleh menghalang perbuatan terkutuk itu.

"Saya bersetuju hukuman yang lebih berat tetapi saya ragu yang hukuman sebat di khalayak umum adalah jawapan muktamad dalam menangani masalah itu," kata beliau.

Chan menambah kata identiti mangsa akan diketahui jika para pesalah menerima hukuman sebat di khalayak umum dan ini akan menyebabkan trauma psikologi yang lebih teruk kepada mangsa.

-- BERNAMA

TSY FLL JK PR